

12/05/1997

PM sentiasa bekerja walaupun cuti rehat

Sut

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah menjelaskan mengapa beliau harus bercuti. Beliau meminta supaya dibenarkan bercuti selama dua bulan. Alasannya mudah. Pada kini keadaan politik begitu stabil. Parti politik pun tidak menjalankan kempen yang terlalu kuat untuk menjatuhkan kerajaan kerana pilihan raya lambat lagi. Sebelum kehangatan pilihan raya akan datang menjelang, adalah lebih baik kita memberi peluang kepadanya mententeramkan fikiran.

Memang, tidak ada seorang pun boleh menafikan hakikat bahawa segala urusan kerajaan berjalan lancar. Alasan Dr Mahathir itu mudah diterima rakyat. Oleh itu, tidak wajarlah ada pihak yang mengambil kesempatan membuat andaian tertentu seperti mengaitkan soal kesihatannya, yang boleh menyebabkan pasaran saham menjadi tidak stabil. Dari segi fizikalnya, kita yakin beliau benar-benar sihat.

Dr Mahathir menyatakan percutiannya itu penting kerana beliau hendak mencatatkan apa yang ada dalam fikirannya secara bertulis. Selama ini beliau mungkin tidak sempat berbuat demikian kerana masanya dipenuhi pelbagai urusan. Jika hendak dilihat daripada acara yang disertainya, kita boleh katakan Dr Mahathir mula bekerja pada sebelah pagi dan berakhir pada waktu malam, tujuh hari seminggu. Kita pun agak hairan bila waktu beliau berehat. Walaupun pada sebelah malam biasanya beliau menghadiri jamuan tetapi beliau terpaksa berfikir mengenai inti ucapannya. Kita lihat sajalah, Malaysia tidak pernah sepi dikunjungi pemimpin pelbagai negara dari seluruh pelosok dunia. Menghadiri mesyuarat yang berjam-jam, bukanlah satu kerja yang mudah. Di luar negara, kita tentu dapat saksikan betapa aktifnya beliau memberi pandangan di pentas antarabangsa. Orang lain ke luar negara untuk makan angin, Dr Mahathir terus bekerja.

Kita percaya akibat kesuntukan masa, banyak perkara yang terkumpul di fikirannya masih belum dapat dikupasnya secara mendalam. Kita begitu yakin ada sesuatu formula atau perkara baru yang ingin ditulis oleh Dr Mahathir. Kita berharap formula atau fikirannya akan membantu kita semua menghadapi masa depan yang mencabar ini dengan penuh keyakinan.

Sewaktu mengemukakan gagasan Malaysia Melangkah Ke Hadapan atau dikenali sebagai Wawasan 2020 beberapa tahun lalu, Perdana Menteri tidak sempat bercuti. Dalam kesibukannya itu, beliau sempat juga memberi satu gagasan yang begitu praktikal. Ideanya itu diterima rakyat dengan begitu bersemangat. Kali ini dengan memberi tumpuan dan masa secukupnya, tentulah pemikiran yang akan dicatatkan pada masa cuti akan membuahkan satu gagasan yang lebih besar dan penting. Sebagai rakyat, kita menanti gagasan baru Perdana Menteri itu dengan penuh harapan.

Satu ketika, kira-kira dua atau tiga tahun lalu, kita sempat bertemu dengan Dr Mahathir di Lapangan Terbang Antarabangsa di Langkawi. Dalam pertemuan singkat itu, sambil berdiri sebelum beliau memasuki bilik VIP kita sempat bertanya kepada beliau mengenai kekerapannya ke Langkawi pada waktu itu. Beliau menyatakan kedatangannya ke Langkawi pada masa itu ialah untuk bercuti, tetapi beliau terpaksa melakukan kerja yang perlu diberi perhatian olehnya.

Waktu kerja memanglah beliau membuat kerjanya dengan cemerlang. Tetapi pada masa cutinya pun beliau tetap membuat kerja untuk bangsa dan negara. Jadi cuti selama dua bulan yang bakal diambilnya itu memang wajar dipenuhinya. Beliau bercuti pun kerana hendak menulis sesuatu yang kita fikir amat penting, bukan saja untuk Malaysia tetapi malah kita rasa untuk

kepentingan dunia.

Kita mengharapkan dalam tempoh dua bulan itu, biarlah Perdana Menteri bercuti dalam keadaan tenang dan damai dan tidak ada orang yang membawa hal yang boleh mengganggu ketenangan fikirannya. Berilah ruang dan masa yang cukup untuknya merehatkan badan serta mencatatkan beberapa buah fikiran selepas sekian lama bertungkus-lumus menyelesaikan pelbagai masalah negara .

Kita juga menyambut baik pengumuman mengenai amalan hidup bersih oleh Perdana Menteri selepas mempengerusi mesyuarat Majlis Tertinggi (MT), kelmarin. Menurut Perdana Menteri, satu visi untuk kerajaan tempatan perlu diadakan bagi memastikan taraf kebersihan di negara ini dapat dipertingkatkan. Kita harap hal ini dapat segera dilaksanakan.

Minggu lalu dalam perjalanan ke Kuala Terengganu, kita tiba di Kuantan untuk makan tengah hari. Oleh sebab kita suka makan ulam dan petai kita berhenti pada suatu kawasan kedai makan di Kuantan untuk makan. Kita pun masuk ke satu gerai.

Sewaktu memilih lauk-pauknya, kita lihat lalat berterbangan dan sedih sekali kita lihat ada yang tidak enak dipandang. Kita tak jadi makan di kedai itu. Kita beredar ke kedai lain dan kedai itupun tidak lebih baik daripada kedai tadi. Akhirnya kita terpaksa masuk ke sebuah restoran makanan segera untuk makan tengah hari. Cara peniaga kita berniaga ini perlu diubah. Tidak enak dilihat jika makanan yang kita jual terdedah kepada ancaman penyakit.

(END)